



## **FACT SHEET**

### **TERNAKAN IKAN AIR TAWAR DALAM SANGKAR – NATIONAL KEY ECONOMY AREA (NKEA), KG. BARU, PULAU TIGA KANAN, PERAK TENGAH**

---

1. Selaras dengan matlamat Jabatan untuk meningkatkan produktiviti dan pengeluaran akuakultur, beberapa projek ternakan ikan air tawar dalam sangkar telah diwujudkan dibawah inisiatif *National Key Economy Area NKEA* di kawasan-kawasan perairan yang berpotensi.
2. Projek Ternakan Ikan Air Tawar Dalam Sangkar di Pulau Tiga Kanan ini bermula pada tahun 2015 dan bermula dengan 8 petak sangkar jenis Galvanised Iron (G.I) bersaiz 3 m (P) X 4 m (L) X 1.5 m (D) seluas 96m. Pihak kerajaan melalui Jabatan Perikanan telah menyalurkan sejumlah RM330,000.00 peruntukan bagi tujuan pembinaan sangkar, rumah sangkar dan input makanan ikan dan benih. Spesis utama yang dternak adalah dari jenis ikan tilapia merah.
3. Pada tahun 2020 tambahan sebanyak 24 petak sangkar diberikan melalui peruntukan sejumlah RM 376,097.28 dan menjadikan jumlah keseluruhan sebanyak 32 petak sangkar dengan keluasan 384m<sup>2</sup>. Sangkar ternakan ini dioperasikan oleh 8 orang peserta yang terdiri daripada penduduk setempat dan diketuai oleh En. Zakaria Bin Mohamed Ji. Status tanah tempat sangkar ini dioperasikan adalah milik kerajaan negeri Perak dan permohonan TOL telah dibuat oleh peserta.
4. Pada tahun 2020 sebanyak 3.21 mt pengeluaran ikan telah dicatatkan manakala peningkatan pengeluaran telah dicatatkan pada tahun 2021 sehingga bulan September iaitu sebanyak 11.597 mt ikan tilapia merah telah dikeluarkan.
5. Pasaran bagi ikan yang dikeluarkan adalah tertumpu kepada pasaran domestik di sekitar dalam negeri Perak dengan penumpuan utaman adalah bekalan kepada restoran tempatan.

###

Fact Sheet ini disiarkan oleh:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**

Ibu Pejabat, Jabatan Perikanan Malaysia

Wisma Tani, Putrajaya

**7 Oktober 2021 (Khamis)**

Sebarang pertanyaan sila hubungi :-

No. Tel: 019-381 7402 (Ahmad Faizal)

012-664 9570 (Nur Aqilah)

Email : [ukk@dof.gov.my](mailto:ukk@dof.gov.my) ; [pro@dof.gov.my](mailto:pro@dof.gov.my)